

SOALAN NO: 66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DR. AZMAN BIN ISMAIL

TARIKH: 17 MAC 2015

SOALAN:

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah pekerja dari Korea Utara boleh bekerja di Malaysia. Atas alasan apakah kita membenarkan warganegara Korea Utara boleh bekerja di Malaysia

PR-1331-L65466

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Permohonan untuk menggaji pekerja bukan pemastautin daripada Republik Rakyat Demokratik Korea (DPRK) telah diluluskan oleh Jawatankuasa Lokalisasi Bagi Pekerja Bukan Pemastautin Yang Lain untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja di Negeri Sarawak. Jawatankuasa ini bertindak sebagai *one stop committee* di mana ahlinya terdiri daripada wakil agensi-agensi yang

berkaitan untuk mempertimbangkan sebarang permohonan daripada majikan.

2. Permohonan dipertimbangkan berdasarkan garis panduan, polisi dan dasar sedia ada yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak mengenai penggajian pekerja bukan pemastautin. Mesyuarat dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.

3. Pada masa ini pengambilan pekerja dari DPRK dipertimbangkan berdasarkan '*case to case basis*' bagi majikan yang terlibat dengan pembangunan projek yang ada kepentingan Kerajaan serta yang memerlukan kepakaran tertentu bagi projek yang dikendalikan.

**SOALAN ( 67 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17 MAC 2015**  
**[ SELASA ]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR**  
**[ TANJONG KARANG ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR [ TANJONG KARANG ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan Kementerian dalam meningkatkan tahap keselamatan di kawasan perumahan bertingkat tinggi seperti apartmen, flat dan kondominium untuk mengelakkan daripada berlakunya kes kanak-kanak jatuh dari balkoni seperti yang kerap berlaku baru-baru ini.

166

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan tahap keselamatan sesuatu pemajuan projek, setiap pemaju yang diberi kelulusan untuk membina projek perumahan perlulah mematuhi ciri-ciri keselamatan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berdasarkan kepada spesifikasi minima yang diperuntukkan di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984). Manakala imej atau rupa bentuk ciri-ciri keselamatan bangunan tersebut terletak sepenuhnya kepada pemunya dan perunding bagi sesuatu projek.

Bagi projek-projek di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terutamanya Projek Perumahan Rakyat (PPR), Kementerian sentiasa memastikan setiap rekabentuk yang dibuat adalah selamat dan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

Dari aspek penyelenggaraan pula, antara langkah dan tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah penyelenggaraan rumah pangsa kos rendah adalah dengan memperkenalkan 2 program iaitu Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) bagi membaik pulih rumah kos rendah awam dan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) bagi membaik pulih rumah kos rendah swasta dan rumah kos sederhana rendah swasta.

Melalui program PPP, Kerajaan akan menyumbang sebanyak 90% daripada keseluruhan kos baik pulih rumah pangsa kos rendah awam dan 10% lagi perlu ditanggung oleh pemohon / pihak pengurusan yang terdiri daripada Kerajaan Negeri dan agensi lain-lain.

Manakala melalui program TP1M bagi membaik pulih rumah kos rendah swasta, kerajaan menyumbang sebanyak 90% daripada keseluruhan kos penyelenggaraan dan 10% lagi ditanggung oleh pihak badan pengurusan bersama (JMB) dan perbadanan pengurusan (MC). Manakala bagi rumah pangsa kos sederhana rendah, kerajaan menyumbang sebanyak 70%

daripada keseluruhan kos baik pulih dan 30% lagi ditanggung oleh pihak pengurusan (JMB/MC).

Skop bantuan bagi kedua-dua program tersebut adalah meliputi kerosakan utama harta bersama rumah pangsa kos rendah awam, swasta dan kos sederhana rendah swasta yang menjejaskan keselamatan dan keselesaan penghuni seperti membaik pulih bumbung, lif, tangki air, dan tangga.